

Pengambilan anak angkat tidak wujud, lelaki dipenjara 24 bulan, satu sebatan

KUCHING: Mahkamah Majistret di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara 24 bulan dan satu sebatan terhadap seorang lelaki yang menipu dalam urusan pengambilan anak angkat, sehingga mengakibatkan kerugian RM400.

Majistret Nursyaheeqa Nazwa Radzali menjatuhkan hukuman itu terhadap Muhammad Azamuddin Abdullah, 30, yang mengaku bersalah sebaik didakwa mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Sabit kesalahan, boleh dijatuhkan hukuman penjara tidak kurang setahun dan

tidak melebihi 10 tahun dan dengan sebatan, dan boleh didenda.

Mengikut pertuduhan, tertuduh telah menipu seorang lelaki berusia 46 tahun untuk mendapatkan wang dengan menawarkan urusan pengambilan anak angkat.

Tertuduh telah meminta lelaki tersebut membuat bayaran berjumlah RM400 ke dalam akaun bank miliknya bagi tujuan berkenaan.

Fakta kes mendedahkan mangsa telah membuat pemindahan wang daripada akaun miliknya ke akaun tertuduh sekitar jam 6.46 petang pada 28 Ogos 2024 di

Wassion Avenue, Lebuhraya Kuching-Kota Samarahan off Jalan Kuching-Serian, Kuching Outer Ring, Padawan.

Pemindahan tersebut dibuat setelah tertuduh meyakinkan mangsa bahawa dia boleh menguruskan semua dokumentasi berkaitan proses pengambilan anak angkat oleh mangsa dan isterinya.

Bagaimanapun, siasatan mendapati proses pengambilan anak angkat tersebut serta 'anak angkat' yang dimaksudkan adalah tidak wujud.

Oleh itu, tertuduh telah menipu mangsa dengan memperdayakannya untuk

mendapatkan wang secara tidak jujur.

Terdahulu semasa prosiding, Timbalan Pendakwa Raya Chuah Kai Sheng memohon agar mahkamah menjatuhkan hukuman yang tegas terhadap tertuduh, bukan sahaja bagi memberi pengajaran kepadanya, tetapi juga sebagai peringatan kepada orang ramai.

Tegas Chuah juga, penipuan seperti ini bukan isu baharu, malah kes penipuan melibatkan tertuduh jelas merupakan taktik yang dirancang rapi.

Tertuduh tidak diwakili peguam bela.